



PERCUMA 11 - 18 Januari 2013, 28 Safar - 6 Rabiulawal 1434

Asrama UNISEL:  
JANA NIAGA perlu  
bertanggungjawab  
**muka 14**

Kutipan premium  
tanah meningkat  
kepada RM800 juta  
**muka 7**

HIMPUNAN KEBANGKITAN  
RAKYAT 12 Januari  
di Stadium Merdeka  
**muka 4**



# Bekalan air pulih dalam seminggu

Oleh AFEEQA AFEERA  
dan SHERIDAN MAHAVERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor akan bekerjasama dengan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) untuk memastikan gangguan bekalan air yang terjejas di Cheras, Gombak dan Ampang akan diselesaikan dalam tempoh seminggu.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pemantau Bekalan Air Selangor, akan mengadakan perjumpaan dengan Syabas setiap hari untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan kerja-kerja memulihkan bekalan air.

Walaupun gangguan itu adalah disebabkan kegagalan Syabas dalam melaksanakan tanggungjawabnya, namun Kerajaan Negeri tetap membantu menyelesaikan masalah yang berlarutan selama hampir dua minggu.

"Kita tahu semua pergerakan Syabas. Kita akan selesaikan masalah pam air Wangsa Maju ini dalam satu minggu," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim selepas mesyuarat Exco pada 9

**Kita tahu semua pergerakan Syabas. Kita akan selesaikan masalah pam air Wangsa Maju ini dalam satu minggu, inilah komitmen Kerajaan Selangor kepada rakyat**

**- ABDUL KHALID**  
Menteri Besar



## SYABAS TIDAK SELENGGARA...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid membuat siasatan terhadap kerosakan di Rumah Pam Wangsa Waju yang menyebabkan berlakunya gangguan bekalan air dan didapati pam nombor dua rosak melebihi setahun serta tidak pernah dibaiki

Januari lalu.

"Inilah komitmen kerajaan Selangor kepada rakyat," kata Abdul Khalid.

Mengikut perjanjian dengan Kerajaan

Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Syabas bertanggungjawab bagi penyaluran air terawat di Kuala Lumpur dan Selangor.

Gangguan bekalan tersebut berlaku setelah lima pam air di rumah pam di Wangsa Maju rosak dan gagal berfungsi hampir dua minggu lalu.

Sebelum ini, Abdul Khalid berkata, gangguan itu boleh dielak sekiranya

Syabas menyelenggara rumah pam sejak dari awal tahun lepas dan bukan apabila berlaku gangguan bekalan air.

Abdul Khalid berkata, sebab-sebab yang diberikan oleh Syabas mengapa pam air Wangsa Maju gagal berfungsi tidak boleh diterima.



lihat muka 2

# Gangguan bekalan air berpunca daripada sikap SYABAS

Oleh HAFIZAN TAIB

**KUALA LUMPUR** - Gangguan bekalan air selama 10 hari di Gombak, Ampang dan Cheras berpunca daripada sikap Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) yang gagal menyelenggara rumah pam di bawah tanggunannya.

Gangguan itu boleh dielak sekiranya Syabas menyelenggara pam di rumah pam Wangsa Maju sejak dari awal tahun lepas dan bukan apabila berlaku gangguan bekalan air, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Kita tidak boleh terima alasan Syabas kerana syarikat konsesi itu

sepatutnya memastikan kelima-lima pam berada dalam keadaan baik.

"Penyelenggaraan secara berkala juga perlu kerana ia menjadi prosedur wajib yang ditetapkan dalam Standard Operating Procedure (SOP).

"Kerajaan Selangor kesal apabila Syabas mengaitkan gangguan bekalan air ini dengan pembinaan Loji Langat 2, sedangkan ia tiada kaitan langsung," kata Abdul Khalid dalam lawatan kerja di Rumah Pangsa Sri Melaka, Cheras di sini.

Abdul Khalid berkata, Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air Selangor yang mengadakan lawatan ke rumah pam itu pada 2 Januari lalu mendapati empat daripada lima pam rosak manakala satu pam sedang diservis dan tidak beroperasi.

Beliau berkata, dakwaan Syabas bahawa semua pam beroperasi melebihi had sehingga mengalami kerosakan tidak boleh diterima.

"Sepanjang tahun lalu hanya 18 hari sahaja pam ini beroperasi melebihi 200 juta liter sehari dengan kadar aliran purata pam-pam tersebut adalah 182,204 liter sehari," katanya.



**PRIHATIN...** Menteri Besar turut sama menyerahkan botol air mineral kepada penduduk di rumah pangsa Sri Melaka

**Kerajaan Selangor kesal apabila Syabas mengaitkan gangguan bekalan air ini dengan pembinaan Loji Langat 2 sedangkan ia tiada kaitan langsung**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

dari muka depan

## SYABAS gagal selenggara pam air

Rumusan tersebut dicapai setelah Kerajaan Negeri memanggil semua pihak yang terlibat dalam pembinaan rumah pam tersebut termasuk jurutera, pereka dan kontraktor.

Siasatan mendapati Syabas gagal menyelenggara dengan baik sistem VSD yang digunakan di dalam operasi pam-pam itu.

"Kerajaan Negeri mendapati dakwaan Syabas bahawa alat gantian yang terlibat perlu diimpot dari Finland tidak benar kerana pembekal mengesahkan bahawa alat itu boleh didapati daripada China dengan perkhidmatan courier," katanya.

Oleh itu, Abdul Khalid juga menyeru kepada Kerajaan Persekutuan untuk mempercepatkan pengambilalihan industri air oleh kerajaan Selangor bagi mengelakkan masalah seperti ini berulang.

"Kita menganggap masalah gangguan air ini sebagai masalah yang perlu diberi perhatian segera oleh Kerajaan Persekutuan kerana ia membuktikan kegagalan projek pen-swastaan air yang diberi kepada syarikat yang tidak berkelayakan dan kompeten," katanya.

## Hanya lulus bina kem tentera bukan untuk komersil

**BANGI** - Tanah 200 ekar di Bukit Raja yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan adalah untuk kepentingan awam, iaitu membina kem tentera, dan bukan tujuan komersial.

**Surat pengambilan tanah ini adalah untuk kegunaan awam. Dalam surat itu kita sebut tentang penggunaannya. Jadi apabila kita beli tanah daripada tuan tanah, ia dijual mengikut kegunaan awam. Tetapi apabila ia ingin digunakan bagi tujuan komersial, tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah berbeza**

Oleh itu, Kerajaan Negeri tetap dengan pendirian bahawa sebarang pembangunan komersial di tanah tersebut tidak akan diluluskan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri mengambil tanah tersebut daripada pemilik estet untuk diberi kepada Kerajaan Persekutuan bagi kegunaan awam.

"Surat pengambilan tanah ini adalah untuk kegunaan awam. Dalam surat itu kita sebut tentang penggunaannya.

"Jadi apabila kita beli tanah daripada tuan tanah, ia dijual mengikut kegunaan awam.

"Tetapi apabila ia ingin digunakan bagi tujuan komersial, tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah berbeza," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memutuskan tidak membenarkan sebarang pembangunan komersial di atas tanah tersebut yang diambil pada tahun 1980-an untuk pembinaan kem tentera 8 Briged.

Sebelum ini dilaporkan bahawa status dan kegunaan tanah seluas 200 ekar di kawasan Perindustrian Bukit Raja, Klang itu muncul di dalam skandal yang membabitkan syarikat Ketua Wanita Umno Selangor dan saudagar karpas Deepak Jaikishan.

Minggu lepas, akhbar Selangorkini melaporkan bahawa usaha sedang giat dilakukan untuk menjual tanah tersebut kepada Bakti Wira Development Sdn Bhd, sebuah syarikat pelaburan hartanah yang dimiliki sepenuhnya oleh Boustead Holdings Berhad.

Boustead adalah unit pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang menyimpan caruman dari potongan gaji anggota tentera.

Syarikat yang berusaha untuk menjual tanah tersebut adalah Awan Megah Sdn Bhd yang mana pengarahnya adalah Ketua Wanita Umno Selangor, Senator Datuk Raja Ropiah Raja Abdullah.



Menteri Besar ketika dibawa melawat tapak sekolah agama di Kampung Sungai Tangkas

## SRA RM2.5 juta dibina di Bangi

BANGI - Sebuah Sekolah Rendah Agama (SRA) terdiri daripada dua bangunan empat tingkat sedang dalam proses pembinaan di Kampung Sungai Tangkas, di sini dengan menggunakan peruntukan sejumlah RM 2.5 juta daripada Kerajaan Negeri.

Sekolah dengan 30 buah kelas dan sebuah kantin ini merupakan yang ke lima dibina selepas Pakatan Rakyat mentadbir Selangor sejak Mac 2008.

Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar berkata, bangunan sekolah terbaru itu terletak di atas tanah dua ekar. Projek itu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri pada September 2011 dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember tahun ini.

Menurutnya, ia mampu menampung lebih ramai murid di kawasan Bangi untuk mendalami pendidikan Islam dengan lebih baik dan teratur.

"Kelulusan untuk membina SRA di Sungai Tangkas amat cepat, selepas Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah.

"Ia mampu menampung keperluan penduduk di kawasan ini untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama. Kerajaan Negeri di

**Kelulusan untuk membina SRA di Sungai Tangkas amat cepat, selepas Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah**

**SHAFIE ABU BAKAR**  
Adun Bangi

bawah Pakatan Rakyat amat prihatin terhadap perkembangan pendidikan Islam.

"Di DUN Bangi sahaja ada sepuluh buah sekolah. Lima daripadanya dibina semasa pemerintahan Datuk Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim," katanya semasa memberi ucapan sempena Program Mesra Rakyat dan Kenduri Kesyukuran di Kampung Sungai Tangkas, di sini.

Ini berbeza ketika era Umno-BN yang hanya membina lima buah SRA selama 50 tahun memerintah.

Program itu turut dihadiri Ahli Parlimen Serdang, Teo Nie Ching, Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Datuk Hasan Nawawi Abdul Rahman.

# DUN Chempaka sediakan pam air

SHAH ALAM - Ekoran kejadian bekalan air terputus di sekitar Ampang dan Cheras sejak 10 hari lalu, Pusat Khidmat DUN Chempaka mengambil inisiatif membuka sebuah bilik gerakan di kawasan itu.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan, Iskandar Samad berkata, bilik gerakan bertempat di Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya itu berfungsi membantu penduduk setempat yang kini berhadapan gangguan bekalan air untuk membuat laporan.

Menurutnya, petugas di bilik gerakan itu juga akan berhubung dengan pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), bagi memastikan kawasan yang terlibat mendapat bekalan air secukupnya, sama ada melalui lori tangki mahupun lori statik.

"Dalam satu pertemuan yang diadakan bersama wakil Syabas pada 4 Januari lepas, saya menegaskan bahawa syarikat konsesi itu mesti membekalkan air yang

**Pusat Khidmat saya juga akan mendapatkan 10 pam air untuk membantu penduduk di pangsapuri. Mereka yang inginkan khidmat pam itu bolehlah menghubungi bilik gerakan**

**ISKANDAR SAMAD**  
Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan

secukupnya ke kawasan-kawasan yang terlibat. Mereka mesti pastikan tangki-tangki statik sentiasa diisi untuk kegunaan penduduk.

"Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) juga mempunyai lori-lori tangki air, tetapi jumlahnya amat terhad. Pusat Khidmat saya juga akan mendapatkan 10 pam air untuk membantu penduduk di pangsapuri. Mereka yang inginkan khidmat pam itu bolehlah menghubungi bilik gerakan," katanya dalam satu kenyataan media.

Tambah Iskandar, petugas dari Unit Amal Pandan juga dikerah membantu warga emas dan mereka yang tidak berkemampuan mengangkut air.


Orang ramai yang ingin mendapatkan bantuan bolehlah menghubungi talian 0102637662 (Zahriezan), 0197598622 (Suhaimi) dan 0132469027 (Hafiz).

Kira-kira 500,000 penduduk di Gombak, Ampang dan Cheras berhadapan gangguan bekalan air selama lebih 10 hari apabila rumah pam Wangsa Maju gagal berfungsi akibat tidak diselenggara Syabas.



ATASI... Iskandar turun padang meninjau bilik gerakan pam air

### KARTUN RAKYAT



# Suruhanjaya bebas siasat pampasan 'wang darah'



**Pakatan Rakyat desak PM siasat pampasan RM207 juta pemberian kerajaan Jepun**

PETALING JAYA - Pakatan Rakyat (PR) mendesak Datuk Seri Najib Razak menubuhkan satu suruhanjaya bebas bagi menyasat pampasan 'wang darah' berjumlah RM207 bilion daripada kerajaan Jepun kepada rakyat Malaysia.

Wang berkenaan diberikan sebagai pampasan kepada rakyat negara ini yang terlibat di dalam pembinaan landasan kereta- tapi maut sepanjang 415km dari Siam ke Burma ketika perang dunia kedua 1942-1946.

Menurut Anwar, beliau sekali lagi menegaskan sekali lagi bahawa kewangan tersebut ti-

dak diagihkan kepada Perbendaharaan Negara ketika beliau masih bertanggungjawab sebagai Menteri Kewangan.

"Saya seru Perdana Menteri, Najib, supaya melakukan siasatan bebas ke atas isu ini kerana RM207 bilion ialah satu jumlah yang besar.

"Beliau tidak boleh terus berdiam diri," katanya ketika diminta mengulas perkara berkenaan sewaktu sesi Simulasi dan Taklimat Pilihan Raya PKR Selangor.

Dalam kejadian berkenaan, seramai 72,000 rakyat Malaya dikerah dan hanya 30,000 orang daripada mereka yang kembali

ke Malaysia, sementara selebihnya gagal dijejaki.

Selain itu, Anwar turut mendesak Najib supaya menyasat isu pengeluaran wang haram yang dikeluarkan dari Malaysia seperti yang didedahkan sebelum ini berdasarkan laporan Global Financial Integrity (GFI).

"Saya merujuk kepada laporan GFI tahun 2010, yang menyatakannya RM190 bilion diseludup keluar dari negara ini.

"Hingga hari ini, PM dan Kementerian Kewangan terus berdiam diri. Jelas sekali mereka abaikan tanggungjawab mereka," katanya lagi.

## Najib bermasalah pilih calon PRU-13 yang setia

PETALING JAYA - Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli (*gambar*) mendedahkan Datuk Seri Najib Razak berdepan krisis menentukan calon Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang setia kepadanya dan bukan berdasarkan kesetiaan kepada parti.

Menurutnya, usaha ini dibuat bagi memastikan kedudukan Najib masih selamat selaku Perdana Menteri, sekiranya Umno kekal berkuasa meskipun beliau bakal 'disingkirkan' daripada jawatan Presiden Umno selepas PRU-13.

Percaturan ini dilihat sebagai usaha monopoli bagi 'mengikat' Ahli Parlimen BN supaya terus setia menyokongnya.

"Ini yang saya tidak pernah sebut secara terbuka, Umno-BN kini ada masalah dan krisis menentukan calon, kerana pimpinan Umno, terutamanya sudah nekad untuk 'buang' Najib dan Rosmah selepas PRU-13.

"Dia (Najib) tidak akan menang dan Najib akan 'terpelanting'. Tapi kalau dia (Umno-BN) tipu pun dan menang, Najib akan 'terpelanting'," katanya ketika menyampaikan ucapan pada sesi Simulasi dan Taklimat Pilihan Raya PKR Selangor.

Jelas Rafizi lagi, pergeseran Umno-BN dalam meletakkan calon ini akan berlangsung sehingga PRU yang disifatkan 'tidak nampak bayang dan gelap gelita' sekaligus bakal memberikan kelebihan kepada Pakatan Rakyat.

"Najib tahu Umno akan 'buang' dia selepas pilihan raya, sebab itu dia minta mandat penuh daripada BN untuk dia tentukan calon supaya dia boleh pastikan semua calon BN adalah calon yang setia kepada dia dan Rosmah. Bukannya parti," ujarnya lagi.



# Stadium Merdeka sah lokasi HKR 112 Sabtu ini



Oleh AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Himpunan Kebangkitan Rakyat 112 (HKR 112) mengesahkan Stadium Merdeka akan menjadi lokasi rasmi himpunan rakyat Sabtu ini.

Perkara ini dimaklumkan Pengerusi Penganjur HKR 112, Mohammad Sabu (Mat Sabu) pada satu sidang me-

dia khas di Ibu Pejabat PAS.

Persetujuan ini diperoleh melalui surat yang diterima hasil perbincangan pihak penganjur dan pengurusan stadium sebelum ini.

"Kami pihak sekateriat HKR mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Stadium Merdeka yang mengizinkan penggunaan (Stadium Merdeka)," katanya.

Jelas Mat Sabu, beliau akan memaklumkan persetujuan yang diperoleh ini kepada Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar bagi memastikan himpunan ini berlangsung aman, sekaligus mencipta 'Historic Moment' kepada negara.

Selain itu penganjur juga turut menghantar wakil untuk berbincang dengan IPD Dang Wangi bagi tujuan

penyelarasan keadaan himpunan.

Mat Sabu menambah, himpunan ini akan berlangsung dari jam 2.00 petang sehingga 5.00 petang.

Sementara itu, Naib Presiden PKR, Tian Chua ketika ditanya sekiranya berlaku sebarang pembatalan kelulusan pada saat akhir, beliau menjelaskan, pihaknya sudah bersedia dan akan memastikan ia berlangsung dengan jayanya.

"Saya jangka kita sudah buat semua persiapan di Stadium Merdeka meskipun lewat dan semua ini merupakan titik sejarah. Stadium Merdeka kembali digunakan rakyat.

"Ini adalah himpunan aman. Kami terjemahkan sebagai tuntutan rakyat yang akan dibawa pada PRU-13," ujar beliau lagi.

**Ini adalah himpunan aman, kami terjemahkan sebagai tuntutan rakyat yang akan dibawa pada PRU-13**

**- MAT SABU**  
Timbalan Presiden PAS

GERAN *selangorku*

# Penduduk Parit Empat selesa jalan raya dinaik taraf

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

**TANJONG KARANG** - Penduduk di kawasan Parit Empat, Sungai Burong kini boleh menggunakan jalan yang lebih selesa dan selamat hasil projek menaik taraf infrastruktur berjumlah RM150,000 melalui Geran SelangorKu yang diluluskan pada hujung tahun lalu.

Seorang penduduk, Zainal Abidin Abdul Samad, 51, berkata, jalan ini sangat berbahaya sebelum ini kerana terdapat beberapa lubang-lubang besar yang boleh mengakibatkan kemalangan, khususnya kepada pengguna motosikal dan pelajar sekolah yang menggunakan basikal ke sekolah berhampiran.

Katanya, jalan ini juga sangat penting kepada penduduk di sekitar kerana merupakan laluan 'shortcut' menuju ke pekan dan turut berlaku be-

berapa kemalangan yang melibatkan kecederaan kepada pengguna sebelum ini.

"Kalau waktu malam, selalu berlakunya kemalangan akibat penunggang motosikal tidak dapat melihat lubang di hadapan dan kini masalah tersebut sudah di atasi," katanya menatap hampir 40 tahun di sini.

Sementara itu, sejumlah RM140,000 juga turut diperuntukkan melalui Geran SelangorKu bagi memperbaiki infrastruktur jalan sejauh hampir dua kilometer di Kampung Melaka, Sungai Sireh, Tanjung Karang.

Bagi Mohd Jefri Abdullah, 33, jalan ini beberapa kali dinaik taraf kerana sering mengalami kerosakan akibat dilalui kenderaan berat seperti lori membawa sawit dan traktor.

Dalam pada itu, Penyelaras DUN Sungai Burong, Mohammad Judi Sarjo berkata, seju-



Mohd Jefri



Zainal Abidin



**SELESA...**  
Antara jalan yang dinaik taraf menggunakan peruntukan Geran Selangorku

**Jalan ini juga sangat penting kepada penduduk di sekitar kerana merupakan laluan 'shortcut' menuju ke pekan**

**- ZAINAL ABIDIN**  
Penduduk

lah RM470,000 diperuntukkan melalui Geran SelangorKu bagi DUN Sungai Burong daripada jumlah keseluruhan sebanyak RM1.5 juta bagi daerah Kuala Selangor.

Katanya, beberapa jalan lagi yang masih rosak dan memerlukan penaiktarafan segera dan pihaknya sudah menghantar permohonan kepada Majlis Daerah Kuala Se-

langor (MDKS) bagi tindakan susulan.

"Dalam daerah Kuala Selangor ini mempunyai lima kawasan DUN dan di kawasan Sungai Burong ini masih terdapat beberapa infrastruktur jalan yang masih memerlukan penaiktarafan segera," katanya ketika ditemui melawat projek infrastruktur Geran SelangorKu di sini.

## 'Dewan Jalan H' Kampung Pandan berwajah baru

**KUALA LUMPUR** - Dewan Komuniti Kampung Pandan yang sudah berusia lebih 30 tahun akan berwajah baru apabila pembinaan semula dirancang oleh Kerajaan Negeri menerusi peruntukan geran Selangorku.

Pembinaan itu dianggarkan melibatkan kos kira-kira RM500,000 dijalankan meneru-

si hasil usaha Pusat Khidmat DUN Chempaka bagi menjadikan dewan orang ramai yang popular dengan gelaran 'Dewan Jalan H' kembali mendapat tumpuan masyarakat umum khususnya penduduk tempatan dan sekitarnya.

"Dewan ini dicadangkan untuk dibina kembali kerana jika diubahsuai sekalipun ia akan

melibatkan kos hampir sama. Dewan sedia ada akan mengalami perubahan dengan pembinaan lebih besar iaitu dari 2,500 kaki persegi kepada 5,500 kaki persegi

"Apabila siap kelak dewan baru ini tentunya akan digunakan secara aktif untuk pelbagai aktiviti oleh orang ramai terutama golongan muda kerana ia akan dilengkapi dengan aneka kemudahan masakini," kata Hafiz Razak, Pegawai Khas Adun Chempaka, Iskandar Samad.

Pembinaannya dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan kini hanya menanti surat kebenaran membina dan pengeluaran tender daripa-

da Perbadanan Menteri Besar (MBI).

"Dewan ini juga akan menyediakan lebih kemudahan seperti dua gelanggang badminton, bilik mesyuarat, pusat riadah dan yang lain serta sesuai digunakan untuk pelbagai majlis keraian," katanya.

Hafiz berkata, dewan baru itu dicadangkan diberi nama sempena lagenda bolasepak negara, Allahyarham Datuk Mokhtar Dahari sebagai mengenang jasa baktinya dalam bidang sukan tambah beliau yang berasal dari Kampung Pandan.

"Kita juga merancang pembangunan baru di sekitar kawasan dewan ini termasuk pa-

dang bolasepak di sebelahnya supaya ia menjadi sebuah kompleks sukan yang moden," katanya.

Bagi golongan muda seperti Bukhari Hamzah, 23, nyata gembira dengan perancangan itu kerana kalangan belia tidak perlu lagi keluar kawasan untuk sebarang kegiatan sukan dan sebagainya.

"Selama ini kebanyakan akan keluar ke kawasan lain macam Desa Pandan dan Pandan Jaya. Saya yakin penduduk di kawasan ini akan mengalu-alukannya kerana ia bakal memberi banyak kebaikan kepada semua pihak.

"Kedudukan di sebelah masjid juga amat sesuai untuk diadakan majlis berkaitan agama," akhiri Setiausaha Kerja Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan itu.



Dewan yang bakal berwajah baru



Bukhari

Oleh AFIX REDZUAN

BANGI - Kerajaan Negeri menerima banyak permohonan bagi membina masjid di seluruh negeri tetapi penilaian akan dibuat berdasarkan jumlah kariah yang hadir di sesebuah surau untuk menunaikan solat fardu.

"Saya akan bagi test dahulu. Saya akan tanya jumlah jemaah yang hadir solat pada solat Maghrib dan Isyak," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Ada yang beritahu kalau masa solat Aidilfitri dan Aidiladha sampai melimpah. Itu kita tidak kira. Kita lihat pada solat fardhu.

"Kalau tidak mencapai sekurang-kurangnya 10 peratus (daripada jumlah kariah), kita tidak akan benarkan," kata Abdul Khalid, yang juga Exco Agama Islam Selangor.

Beliau berkata demikian pada Majlis Mesra dan Kenduri Kampung di Seksyen 1, Bandar Baru Bangi.

Abdul Khalid juga dibawa melihat tapak pembinaan Masjid Al-Umm di Jalan 1/4A.

Tanah seluas dua ekar ini diluluskan Kerajaan Negeri melalui Warta Kerajaan pada September 2010 dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) meluluskan pembinaannya pada Jun 2011.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Induk Pembinaan

# Bina masjid baru ikut jumlah jemaah



Ahli Parlimen Serdang, Teo Nie Ching (baju merah) bersama sebahagian daripada orang ramai yang hadir pada Majlis Mesra dan Kenduri Kampung

Masjid Al-Umm, Dr Shafie Abu Bakar, masjid ini dibina untuk memenuhi hasrat penduduk Bandar Baru Bangi yang ingin menjadikan Masjid Al-Umm sebagai 'Wadi Ilmu'.

"Untuk memenuhi keperluan solat Jumaat penduduk Bandar Baru Bangi terdapat beberapa surau ditauliahkan untuk mendirikan solat Jumaat.

"Di antara surau-suru tersebut adalah An-Nur, As-Sobah, Bangi Perdana, Al-Kauthsar dan Al-Falah," katanya.

Masjid tiga tingkat ini yang direka betuk Arkitek Urusbina, dapat menampung sebanyak tiga ribu jemaah.

Selain daripada ruang solat, ia juga dilengkapi dengan dewan serbaguna dan pelbagai kemudahan lain.

Mereka yang berhasrat untuk menghulurkan sumbangan dan wakaf boleh menyalurkannya melalui no akaun Maybank Islamic Bandar Baru Bangi, 5628-3460-7208 atas nama 'Tabung Masjid Al-Umm'.

ASUH... kanak-kanak ini turut menderma pada 'Tabung Masjid Al-Umm'



## FAKTA MASJID AL-UMM

- Kos pembinaan kira-kira RM11.2 juta
- Kapasiti: 3000 jemaah
- Mula dibina Mac 2013 dijangka siap September 2014

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

### KETUA PENGARANG

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

### PENGARANG BERITA

Najib Hashim

### PEN. PENGARANG BERITA

Mohd Ezli Mashut

### PEMBANTU PENGARANG

Rusidah Salim

### WARTAWAN

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com

### JURU GAMBAR:

Raheemie Ariffin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

### GRAFIK & REKALETAK

Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,  
No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13,  
40100, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856  
Emel: news@selangorkini@gmail.com

## Van percuma hantar OKU ke hospital

SHAH ALAM - Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di dalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bakal menikmati kemudahan penghantaran ke hospital secara percuma dengan sebuah van khas.

Menurut Datuk Bandar MBSA, Datuk Jaafar Atan, kenderaan yang mempunyai 'bumbung tinggi' itu juga boleh digunakan oleh warga emas dan para pesakit buah pinggang yang ingin ke tempat rawatan dialisis.

"Oleh kerana kita mempunyai kenderaan yang terhad, maka kita terpaksa mengadakan penghantaran ke hospital sahaja buat masa ini.

"Mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan perlu mendaftar dan membuat tempahan atau janji temu seminggu sebelum tarikh lawatan," jelas Jaafar dalam satu sidang media di sini.



Datuk Bandar Shah Alam, menerima cek replika daripada wakil Kelab Rotary Shah Alam

MBSA hanya menyediakan perkhidmatan penghantaran pergi dan balik sahaja manakala sebarang urusan di hospital perlu diuruskan sendiri.

"Oleh itu, kita juga mensyaratkan agar mereka ini diiringi ahli keluarga atau kenalan untuk berurusan di hospital,"

beritahu Jaafar lagi.

Terdahulu, beliau menerima cek sumbangan Kelab Rotary Shah Alam berjumlah RM60,000 yang disampaikan Presidennya, Datuk Vincent Tang.

Sumbangan tersebut merupakan satu usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Kelab Ro-

tary bagi menampung separuh daripada peruntukan membeli van tersebut yang dianggarkan bernilai RM120,000.

Manakala MBSA akan membiayai baki kos van tersebut.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi MBSA di 03-5511 4246 pada waktu bekerja.



Isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut memberi sumbangan beg sekolah kepada beberapa kanak-kanak sekitar Ijok

# Kutipan premium tanah meningkat kepada RM800j

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**KUALA SELANGOR** - Sejak Pakatan Rakyat mentadbir Selangor, kutipan premium tanah meningkat kepada RM800 juta berbanding RM300 juta sebelumnya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, dengan perolehan yang semakin meningkat, maka ia menuntut kepada sistem penyimpanan yang efektif, di mana hasil daripada simpanan itu dapat digunakan Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat ketika ditimpa bencana alam.

Katanya, dengan adanya sumber ini maka ia memudahkan Kerajaan Negeri menggunakan wang

tersebut pada waktu kecemasan.

Tambah beliau lagi, Kerajaan Negeri mempunyai sistem penyimpanan rekod dan data penerima bantuan bencana yang bersistematik dan memudahkan untuk tindakan selanjutnya.

“Kita mempunyai semua rekod dengan apabila RM2juta kita memberikannya, kita mempunyai dua juta rekod tersebut.

“Ini menunjukkan bagaimana kita jaga duit itu kerana ia adalah duit rakyat,” kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Penyampaian Bantuan Banjir kepada 23 keluarga yang terlibat dalam kejadian itu baru-baru ini yang diadakan di Pekarangan Pejabat Datuk Menteri Be-

sar di Ijok di sini.

Setiap mangsa terlibat diberikan bantuan kewangan berjumlah RM500 seorang yang terlibat banjir di Kampong Seri Sentosa dan Kampong Bukit Cherakah daripada Tabung Bencana Daerah Kuala Selangor.

Ujarnya, beliau menggesa pihak jabatan dan agensi kerajaan untuk mengambil tindakan proaktif bagi menyelesaikan masalah kejadian banjir dengan membuat perancangan yang efektif.

“Saya sudah arahkan setiap Pejabat Daerah untuk beli mesin pengepaman yang akan digunakan bagi mengalirkan air apabila berlakunya banjir,” kata Abdul Khalid.

## Projek Seksyen 18 tingkat nilai hartanah bumiputera

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjelaskan, pembinaan 60 unit pangsapuri 13 tingkat di Seksyen 18 di sini, bertujuan meningkatkan nilai hartanah bumiputera di Shah Alam.

Ini setelah kuota perumahan kos rendah, sederhana rendah dan sederhana telah lama dipenuhi oleh PKNS.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata, pembangunan di Shah Alam adalah berlandaskan Pelan Struktur Shah Alam di mana PKNS memenuhi perancangan pembangunan yang ditetapkan Kerajaan Negeri.

Lebih daripada 63 peratus daripada projek hartanah PKNS di Shah Alam meliputi kos rendah, sederhana rendah dan sederhana berbanding 50 peratus kuota yang ditetapkan. Manakala, 37 peratus lagi adalah kos sederhana tinggi dan tinggi.

Bagi projek perumahan PKNS di Seksyen 1 sehingga Seksyen 24, Shah Alam, lebih 95 peratus dibeli oleh bumiputera. Bandar-bandar yang dimajukan oleh PKNS seperti Bangi dan Shah Alam lebih diminati oleh masyarakat bumiputera.

Jumlah itu lebih tinggi daripada kuota 70 peratus bumiputera yang diamalkan oleh PKNS dan jauh lebih tinggi daripada kuota 30 peratus bumiputera yang dikenakan ke atas pemaju lain.

Ini membuktikan bahawa PKNS tetap komited dan tidak akan lari daripada matlamat asal penubuhannya bagi membantu rakyat Selangor khususnya bumiputera dalam pemilikan kediaman yang sempurna dan mampu dimiliki.

“Dakwaan yang mengatakan PKNS cuba menekan dan menghalau bumiputera dari Shah Alam dengan pembinaan projek berkenaan adalah tidak berasas sama sekali memandangkan sebanyak 113,552 daripada 124,664 unit rumah yang dibina PKNS setakat ini terdiri daripada rumah kos rendah dan sederhana,” katanya.

Ishak berkata, pembinaan projek itu dijangka mampu memberi nilai tambah yang positif, di samping meningkatkan imej pembangunan di kawasan sekitar, malahan cadangan pembangunan berkenaan mendapat kelulusan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

### NEW LUXURY POOL HOMES BRINGING EXCITING LIFESTYLE TO SELAYANG



皇豪苑



TIARA  
RESIDENCES  
SIGNATURE POOL VILLAS



Built up from 5,068 sq ft  
Low density neighborhood with only 46 villas  
Built on high terrain within lush green surroundings  
Gated and guarded community with 24 hours security  
40 ft lap pool for all units  
**Attractive Discount for Bumiputra Lot**

**03.6120 2488 / 016.225 5168**  
www.tiarapoolvillas.com

A LUXURY LIVING CONCEPT BY

**Engtex**

**Engtex Properties Sdn. Bhd.** (142790-X)

No 2, Level 10, Wisma Manjalara, Jalan 7A/62A,  
Bandar Manjalara, 52200 Kuala Lumpur  
T: 03.6277 2288 F: 03.6277 9532

**Engtex Properties Sales Gallery**

No 49, Jalan PS 8 Prima Selayang, 15KM Jalan Rawang  
T: 03.6120 2488 / 016.225 5168 F: 03.6120 5688

Exclusive Marketing Agent

**TWINS REALTY**  
Estate & Commercial Real Estate Agents  
www.twins.com.my

#### Info pecahan rumah dibina di Shah Alam

Jenis rumah	Unit/Peratus
Kos rendah	14,240 (32.3 peratus)
Kos sederhana rendah	9,386 (21.29 peratus)
Kos sederhana	4,476 (10.16 peratus)

Development License No. 11279-1/09-011/1001 // Validity Period: 13-09-2010 till 14-09-2013 // Advertising and Sales Permit No. 11279-1/0185/201000 // Validity Period: 27-11-2012 till 30-09-2013 // Approving Authority: Majlis Perbandaran Selangor // The Rajah  
No 18, Jalan Ampang 50100 Kuala Lumpur // Land Tenure: 99 Years // Expiry Date: 3/3/2098 // Bekalan Hartanah - Tanah yang dimiliki oleh pengembangannya, dipajak, dipinjamkan atau diwariskan kepada pihak berkuasa negeri // Land Tenure: 99 Years // Expiry Date: 3/3/2098 // Estimated Date of Completion: March 2013 // Total Units: 46 units // 7% Discount for Bumiputera  
All rendering and photographs contained in the circular are artist's impression only. The developer reserves the right to modify any part of the building prior to completion as directed or approved by relevant authorities or architect. All plans, layouts, information and specifications are subject to change and cannot form part of an offer or contract.



▶ **TAK BAGUS...**  
Adun Chempaka, Iskandar Samad sewaktu mengadakan sidang akhbar menuntut Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) memulihkan bekalan air di Chempaka, Pandan Jaya



Kelab Harimau Malaysia, kendali Klinik Bola Sepak DUN Bangi yang bertempat di Padang Kompleks Sukan, Seksyen 15 Bandar Baru Bangi. Hadir sama dalam program tersebut, Ahli Parlimen Serdang, Teo Nie Ching dan Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar



▶ **Imam Muda Asyraf Mohd Ridwan,** bersama anak-anak muda sewaktu program Expresi Anak Muda di Ambang Tahun Baru di Uptown Reko Sentral, Kajang



▶ **Ahli Parlimen Selayang, William Leong,** cuba mengipas sate di pasar malam, Kampung Selayang Indah semasa mengedarkan kalender, bersama Ketua Kampung Tuan Haji Masrom



▶ **Adun Meru, Dr Rani Osman,** melepaskan 50 orang pemuda berbasikal merentas rimba yang dianjurkan Biro Pemuda Masjid Nurul Jannah



▶ **Adun Taman Medan, Haniza Talha,** bersama pelajar-pelajar 'Homework Room' yang turut menerima beg sekolah pemberian Kerajaan Negeri



▶ **1 2 3 TARIK...** semangat kesepakatan ditunjukkan guru-guru dan ibu bapa dalam pertandingan tarik tali di SJKC (C) Sin Bin, Sungai Lima, Port Klang. Kelihatan Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, turut mengambil bahagian dalam pertandingan



▶ **Adun Hulu Kelang, Saari Sungib,** menyampaikan sumbangan beg sekolah kepada pelajar-pelajar yang menetap di Kampung Fajar. Majlis penyampaian diadakan di dewan Surau Al-Ehwan



# MB minta jurutera MDKS siasat punca bumbung condong

Oleh AFIX REDZUAN

IJOK - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengarahkan pasukan jurutera khas Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) yang diketuai Yang Dipertuanya, Noraini Roslan, mengenal pasti punca kejadian bumbung rumah condong yang berlaku di Taman Pancaran, Ijok.

Menurut Abdul Khalid, setakat ini keadaan tidak begitu serius dan aspek reka bentuk bumbung, pembinaan serta kualiti bumbung akan diberikan tumpuan dalam mencari punca kejadian.

"Kita akan betulkan semuanya. Kos pembaikan akan ditanggung Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN)," katanya pada sidang media selepas melawat tempat kejadian.

Kejadian runtuh bumbung ini melibatkan 14 buah rumah yang kebanyakannya mengalami kerosakan dibahagian siling.

Turut kelihatan beberapa rekahan

struktur dinding rumah terutama di kawasan bilik air.

Sementara itu, Abdul Khalid juga turut menyampakan sumbangan khas kepada semua mangsa berjumlah RM500 bagi setiap rumah.

Jelasnya lagi, terpulang kepada penduduk sama ada untuk berpindah sementara sehingga keadaan kembali selamat.

Seorang penduduk, M Kumaran menyedari kejadian ini berlaku apabila bapanya yang ketika itu mendengar bunyi runtuh di belakang rumah.

"Bapa saya dengar bunyi macam ada benda jatuh.

"Bila masuk nampak kesan pasir di lantai. Kemudian nampak ada ketulan batu kecil pada siling.

"Kita periksa dan tanya orang sebelah mereka kata tidak ada apa-apa.

"Kemudian jiran pun beritahu dia juga nampak pasir ketika sedang menyapu," katanya yang menetap di sini hampir 20 tahun.



Menteri Besar menyerahkan sumbangan kepada mangsa (gambar kecil) rekahan bumbung

**PEMBINAAN DIJALANKAN**

**PUTERA AVENUE 2**  
KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT

**PELUANG PELABURAN DI PUSAT KOMERSIAL YANG GIAT BERKEMBANG**

**BERDEPAN JALAN JOHAN SETIA, KLANG**

• Saiz lot: 22' x 70' • Harga dari RM579,900

**CIRI-CIRI UNGGUL:**

- Darjah keterlihatan yang tinggi dari trafik seharian - sesuai dijadikan sebagai bilik pameran, pasar raya, bank, kedai & sebagainya
- Tadahan penduduk yang tinggi dari kawasan perumahan berhampiran

**AKSES MUDAH:**

- Berhampiran Bandar Klang, Westport, Shah Alam & Subang Jaya
- Akses ke Lebuhraya KESAS melalui Persimpangan Jalan Kebun, terdapat juga jalan alternatif tanpa tol ke Shah Alam & Subang Jaya
- Hanya beberapa minit ke Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah, NKVE & LKSA
- Akses ke Jalan Banting melalui Jalan Johan Setia/Jalan Masjid

**KEMUDAHAN:**

- Pasar Raya Econsave & Pasar Raya Besar Carrefour di Bukit Rimau
- Kedai 99 Speedmart
- Sekolah rendah & menengah
- Klinik kerajaan yang dicadang, balai bomba & polis, kedai & stesen petrol



Penaja: Malayapine Estates Sdn Bhd (No. Sykt. 96680-P) Diurus Oleh IOI Properties  
Pejabat, Asas & Pemasaran: Bandar Puteri Klang, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-5161 8833 Faks: 03-5161 0101 Emel: marketingklg@ioigroup.com



Untuk pertanyaan, hubungi **03-5161 8833**  
[www.ioiproperties.com.my/klga/sk](http://www.ioiproperties.com.my/klga/sk)

# Lahir generasi muda aktif sukan

Oleh AFEEQA AFEERA

**SUBANG JAYA** - Dalam usaha melahirkan generasi muda yang aktif dan positif, Pangsapuri Desa Mentari mengambil inisiatif menyediakan pelbagai program menarik berunsurkan pendidikan dan hiburan.

Program yang dikenali sebagai Projek Mentari itu bermula seawal tahun 2007 dengan mensasarkan pelajar peringkat rendah dan menengah, berusia antara 7 hingga 17 tahun dan menetap di pangsapuri itu.

Pengurusnya, Nur Yasmin Osman (*gambar*) berkata, Projek Mentari merupakan projek sukarelawan yang menawarkan kelas tuisyen percuma kepada semua peringkat pelajar bagi membina keyakinan diri.

Menurutnya, bagi memastikan pelajar tidak hanya terikat dengan pembelajaran semata-mata, pihak pengurusan Projek Mentari mengambil langkah dengan menganjurkan aktiviti 'Play Your Game', khusus untuk mengasah



bakat pelajar dalam acara sukan. Sementara itu, Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad berharap supaya program ini akan diteruskan bagi melahirkan lebih ramai pelajar yang berdedikasi serta menanam azam untuk lebih berjaya.

Beliau berkata, program ini mendapat pengiktirafan daripada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) yang lain.

"Respons daripada ibu bapa mendapati pelajar yang menyertai projek ini semakin positif, malah pembelajaran juga bertambah baik. Saya ucap terima kasih kepada sukarelawan yang menyertai program ini dan berharap orang ramai, sama ada pihak persendirian mahupun korporat untuk menyumbang tenaga dan kewangan bagi menjayakannya," katanya.

Pada acara itu, Nik Nazmi turut menyerahkan sumbangan sejumlah RM6,000 kepada badan itu untuk membeli peralatan bola sepak bagi kegunaan pelajar.



Nik Nazmi turun padang meninjau aktiviti 'Play Your Game'



**SERAH...** Pengerusi Lembaga Pengarah SRJK (C) Khe Beng, Datuk Ng Tiong Seng (tengah), menunjukkan surat pengesahan tapak sekolah SJK (C) Khe Beng, yang diterima daripada Adun Sri Muda, Suhaimi Shafei. Manakala wakil SJK (C) Tun Tan Sie Lin, Putra Height dan SJK (C) Chung Hwa, Kota Kemuning, menerima sumbangan berjumlah RM20,000



## KELEBIHAN LOKASI, HARGA DAN KEMEWAHANNYA TERSERLAH

Peluang terakhir anda untuk memiliki kondominium mewah pada harga berpatutan di Kuala Lumpur

**KEDIAMAN BERGAYA RESORT MENANTI ANDA**

Pilih daripada 6 jenis rekabentuk yang berkeluasan dari 1,200 hingga 1,800 kaki persegi. Kebanyakan rumah mempunyai pemandangan menarik berlatarkan KLCC. Tambahan lagi, lokasi idealnya memberi kemudahan, sama ada memandu atau mengambil LRT.

Untuk pilihan membeli-belah yang lebih, terdapat pasaraya dan pusat membeli-belah di lokasi yang berdekatan.

Pendek kata, anda akan menikmati suasana kehidupan di kawasan kejiranan yang menakjubkan. Sememangnya ia lambang kelebihan dua dunia, kediaman bergaya resort di dalam kawasan kota metropolitan.

Milikinya sekarang dan keputungan anda akan disambut dengan kediaman bergaya resort setiap hari.

UNIT BUMI  
7%  
DISKAUN

Memperkenalkan D'Pines@Ampang: Sebuah oasis di sebalik kesibukan bandar di mana kehidupan ibarat percutian yang dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk sistem keselamatan 3 peringkat.

**Kemudahan Premier:**

- Dek 'Pavilion Sun' • Kolam Cetek • Jakuzi • Gimnasium
- Trek Joging • Zon Yoga • Senibina Air
- Kawasan Mainan Kanak-kanak • Dewan Serbaguna
- Kawasan Istirehat Pengunjung • Luncur Air Kanak-kanak
- Pergolas • Gelanggang Pasir • Kawasan BBQ
- Taman Hijau



**PETA LOKASI**  
GPS: E101°45' N03°





GALERI JUALAN DIBUKA SETIAP HARI : 10pg - 6ptg

03 - 9285 3388 / 0887 • 012 - 930 4842 Bruce • 012 - 296 9948 Kelvin • 017 - 335 3010 Zu


No. Lesen Perniagaan: 1021-001-2012M • Tempoh Sah: 05/12/2011-05/12/2013 • No. Pendaftaran & Jualan: 1021-1110002 (D1) • Tempoh Sah: 26/06/2012-05/12/2013 •   
 Berlesen Untuk: Trade • Penganjur Tanah: Pangsapuri Desa Mentari • 21000000 • Jenis: Kondominium, Nama: D'Pines@Ampang • Tarikh Ciptaan: 15/10/2011 • Pihak   
 Berkuasa Yang Melaksanakan: Pangsapuri Desa Mentari • Nama Pangsapuri: D'Pines@Ampang • Alamat: 10, Jalan Cempaka 6, Taman Niwano,   
 40000 Ampang, Selangor Darul Ehsan. 03-92853388 • 0887-3353010 • 012-9304842 • 012-2969948 • 017-3353010

BERKAITAN DENGAN: TANAH DAN BANGUNAN, DIPALAK, DOKUMEN KTRU DAN/ATAWALAINYANYANG BERTINDAH ATAU CARA BUKA-PUNYILAKSANAAN DAN/ATAWALAINYANYANG   
 PERUSAHAAN BERKAITAN.   
 Maklumat lengkap yang memuaskan boleh didapati dalam mesyuarat maklumat yang berhadapan, jemputan atau melalui panggilan atau melalui perantara yang berkekuasaan dan/atau melalui perantara yang berkekuasaan. Maklumat ini adalah berdasarkan   
 pembangunan tapak yang ditunjukkan. Persekitaran sekitar projek pembangunan yang ditunjukkan pada foto-foto atau dalam skema atau sebaliknya mungkin telah berubah. Semua maklumat adalah anggaran dan/atau berdasarkan maklumat yang diterima dan/atau berdasarkan maklumat yang diterima.

# PELAJAR: AKTIVITI DALAM DAN LUAR NEGARA

Pelajar Unisel mempunyai banyak peluang menyertai lawatan sambil belajar ke luar negara seperti :

Program Pertukaran Pelajar Antarabangsa, Lawatan Akademik, Program Latihan Industri dan banyak lagi melalui aktiviti pelajar dan keperluan matapelajaran. Antara negara dan lokasi lawatan yang disertai oleh pelajar adalah Turki, China, Hong Kong, Jepun, Thailand, Mesir, Vietnam, Korea Selatan, Singapura, Indonesia, Australia, New Zealand, United Kingdom dan Palestin.



Lawatan pelajar Fakulti Perniagaan Unisel ke Korea Selatan



Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

**KLANG** - Sebanyak 40 premis pusat refleksologi sekitar bandar Klang yang melanggar peraturan papan iklan dikenakan tindakan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) sepanjang tahun 2012 lalu.

Premis yang terlibat dikenakan tindakan kompaun serta penurunan iklan serta mereta setelah notis yang diberikan pihak berkuasa MPK tidak dipedulikan.

Pengarah Jabatan Pelesenan MPK, Azhar Samsudin, berkata, tindakan tersebut diambil di bawah Undang-Undang Kecil Iklan MPK 2007 kerana pemilik premis pusat refleksologi gagal mengikut syarat yang ditetapkan.

Katanya, tujuan utama pemantauan rapi dan tindakan dilakukan oleh penguatkuasa MPK adalah bagi memastikan

# 40 pusat refleksologi diambil tindakan



**Tujuan utama pemantauan rapi dan tindakan dilakukan oleh penguatkuasa MPK adalah memastikan pemilik premis mengikut syarat yang ditetapkan serta bagi membendung isu gejala sosial di kalangan penduduk di sekitar**

**AZHAR SAMSUDIN**  
Pengarah Jabatan Perlesenan MPK

bil tindakan dengan penurunan iklan serta kompaun dalam satu operasi yang dilakukan pihak berkuasa MPK di kawasan Pandamaran, Klang baru-baru ini.

Kesemua premis tersebut merupakan kali pertama diambil tindakan sepanjang dibuka setelah diberikan notis amaran selama beberapa kali namun masih tidak diendahkan.

Azhar berkata, mulai tahun 2013, operasi pemantauan dan tindakan amaran akan dilakukan dengan lebih kerap bagi membendung perkara seperti ini daripada terus berleluasa.

“Kita minta kerjasama daripada pemilik premis supaya mengikut syarat yang ditetapkan dan orang awam turut diminta tampil membantu MPK supaya ia dapat dikawal,” katanya lagi.

pemilik premis mengikut syarat yang ditetapkan serta bagi membendung isu gejala sosial di kalangan penduduk di sekitar.

“Kita menerima rungutan serta aduan daripada orang awam yang mengatakan iklan

pusat refleksologi ini tidak sesuai serta terlalu besar dan ia terbukti melanggar spesifikasi saiz iklan yang dibenarkan,” katanya.

Dalam pada itu, sebanyak empat buah premis seperti itu diam-

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**  
Tel : 03-60641331 SMS: taip "mdhs aduan" hantar ke 15888.  
Semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**  
www.mpklang.gov.my  
Kutipan Sampah: Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )  
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)  
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);  
Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)  
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825SMS: Taip  
"MDKLADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**  
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**  
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**  
www.mps.gov.my  
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**  
www.mbsa.gov.my  
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**  
www.mpsj.gov.my  
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
www.mbpj.gov.my  
Tel: 03-79542020 (24-jam hotline)/ 03-79563544 (am)  
SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213



**Rumah teres yang baru siap  
Seksyen 7, Shah Alam**

**Binaan = 2,794 sf | Luas Tanah = 22' x 80'**

**03-5629 2600**

**Era Wangsa (M) Sdn Bhd (393766-V)  
83 & 85, Jalan SS15/4C, 47500 Subang Jaya, Selangor**



## MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City,  
I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,  
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul  
Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455  
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT** Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095  
atau 03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**  
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan  
Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000,  
Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736  
email : info@semesta.com.my  
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,  
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.  
Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi  
dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.  
Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor,  
Plaza Perangas, Persiaran Perbandaran, 40000  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977  
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**  
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G,  
Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**  
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,  
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300  
Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617  
Laman Web <http://www.mimbarselangor.org>

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**  
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2,  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000,  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312  
Fax : 03-551055829 Laman Web <http://www.skimsel.com>

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**  
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G,  
Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**  
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber  
Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin  
Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543  
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391  
Blog <http://tuisyenrakyat.blogspot.com>

# Jana Niaga perlu bertanggungjawab baiki asrama UNISEL

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Jana Niaga Sdn Bhd (JNSB) perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaik pulih asrama pelajar Universiti Selangor (Unisel) yang mengalami masalah tanah mendap dan mengancam struktur bangunan asrama tersebut.

Naib Canselor, Prof Dr Anuar Ahmad (*gambar*) berkata, sebanyak 44 blok asrama yang dibina di atas tapak lombong bijih timah pada 2002 itu kini tidak selamat untuk didiami.

"Kesilapan besarnya ialah kedudukan asrama Unisel itu dibuat di atas tapak lombong yang tidak dibuat 'rawatan' dengan betul.

"Ini masalah pada 2002 - 2005 di mana ia dibuat mungkin hanya untuk mendapatkan keuntungan yang cepat dan banyak atau sebagainya yang tidak diketahui," kata Dr Anuar ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Jelas beliau, sewajarnya pihak yang membinanya dahulu menggunakan kaedah 'accelerated



**Kerajaan Negeri sudahpun berikan peruntukan sebanyak RM10 juta yang sudah masuk ke dalam akaun Unisel dan jika Jana Niaga tidak membuat pembaikan kita akan tamatkan kontraknya**

settlement' yang mana apabila berlaku pemendapan ia tidak mengancam struktur keseluruhan keselamatan bangunan.

Ujarnya lagi, turut berlaku masalah sistem kumbahan yang menyebabkan pihak Unisel terpaksa menanggung masalah itu.

"Selepas dua tahun asrama siap, baru sistem rawatan kumbahan siap pada 2007 di mana pelajar sudah mendudukinya pada 2005, jadi ke mana kumbahan itu dibuang," katanya.

Katanya, pihak Unisel dalam proses menamatkan kontrak Jana Niaga ekoran beberapa pelanggaran syarat dan terma perjanjian.

Kini pelajar ditempatkan di kediaman sementara di Kota Puteri, Ijok, Azalea Court Bandar Tasik Puteri, Rawang, Resort Mega Crystal Kuala Selangor; Taman Ilmu di Bestari Jaya dan Bukit Minyak di sekitar daerah Kuala Selangor.

Beliau berkata, pihak Unisel turut menyediakan perkhidmatan bas ulang alik dengan kadar sewa bulanan RM200 sebulan termasuk pengangkutan, utiliti kawalan keselamatan.

"Kerajaan Negeri sudahpun berikan peruntukan sebanyak RM10 juta yang sudah masuk ke dalam akaun Unisel dan jika Jana Niaga tidak membuat pembaikan kita akan tamatkan kontraknya," katanya.

Sebelum ini, kerajaan Selangor menyediakan peruntukan RM20 juta untuk kerja-kerja pembaikan asrama tersebut sekiranya JNSB enggan bertanggungjawab.



Kampus Induk Unisel di Bestari Jaya

## JKR arah tutup sementara asrama

IJOK - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengesahkan arahan mengosongkan asrama Universiti Selangor (Unisel) Kampus Bestari Jaya, bukan daripada pihak pengurusan Unisel sebaliknya keputusan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Ini kerana hasil kajian yang

dibuat mendapati, sistem saluran air yang sepatutnya dihubungkan ke kolam utama berada dalam keadaan tidak sempurna sehingga mengakibatkan takungan air bawah tanah.

"Masalah ini berlaku lebih dua tahun," katanya pada satu sidang media.

Semalam, Naib Canselor Unisel, Prof Dr Anuar Ahmad me-

maklumkan atas faktor keselamatan, Unisel memindahkan 2,000 pelajar yang menghuni di asrama Bestari Jaya ke beberapa kediaman di luar kampus.

Langkah tersebut diambil bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembaikan kawasan kampus yang dijangka mengambil masa kira-kira 12 bulan.

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

# Gergasi Merah Kuning sasar satu piala

SHAH ALAM - Jurulatih Pasukan Bola Sepak Selangor, Irfan Bakti Abu Salim, 62, mensasarkan untuk mendapat sekurang-kurangnya satu piala pada musim 2013 ini.

Katanya, walaupun pasukan Selangor kehilangan beberapa tonggak utama seperti Safiq Rahim dan beberapa pemain lain yang berhijrah ke pasukan lain, ia tidak akan menggagalkan cita-cita pasukan itu dalam memburu kejuaraan ke-33 Piala Malaysia pada edisi tahun ini.

“Rata-rata pemain Selangor merupakan muka baru dan muka lama, kini bersemangat memburu setiap piala kejohanan pada tahun ini walaupun kita kehilangan beberapa tonggak utama yang berhijrah ke pasukan lain,” katanya ketika sidang media selepas sesi perkenalan pasukan bola sepak Selangor musim 2013 di Stadium Shah Alam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, ahli-ahli Exco Selangor, Dr Xavier Jayakumar, Dr Yunus Hairi, Dr Yaa-



Barisan skuad baru Selangor Red Giants pasti menyengat bagi mencabar kejuaraan Liga Malaysia 2013

baik bagi menghargai sumbangan dan sokongan peminat bola sepak di Selangor.

Katanya, kegagalan mendapatkan sebarang piala pada tahun lalu wajar dijadikan pembakar semangat dalam usaha meningkatkan lagi imej pasukan bola sepak Selangor yang dikenali Gergasi Merah Kuning itu.

Pemain senior bola sepak Selangor, Amri Yahyah, 32, berkata, beliau akan memberikan khidmat yang terbaik dalam usaha merealisasikan impian peminat bola sepak di negeri ini untuk melihat Selangor

**Rata-rata pemain Selangor merupakan muka baru dan muka lama kini bersemangat memburu setiap piala kejohanan**

**IRFAN BAKTI**  
Jurulatih Pasukan Bola Selangor

kob Sapari serta ahli Kelab Penyokong Bola Sepak Selangor.

Sementara itu, muka-muka baru yang bakal membarisi pasukan itu pada tahun ini adalah S Kunalan, Sharbinee Alawee Ramli, Mahalli Jasuli, Abdul Shukur Jusoh, Muhammad Ramzul Zahini Adenan, Muhammad Afiq Azmi, Mohd Raini Md Noor, Mohd Fairuz Abdul Aziz, Kavichelvan serta tonggak import seperti Francis Forkey Doe dan Michal Kubala.

Dalam pada itu, Abdul Khalid mengharapkan pasukan Selangor dapat memperbaiki prestasi pada tahun lalu yang hanya

berjaya menduduki tangga ketiga dalam Liga Super serta gagal mara ke final aksi Piala Malaysia apabila tumpas kepada Kelantan di peringkat separuh akhir.

“Diharap pasukan Selangor dapat menjadikan contoh pasukan lain, seperti pasukan Sime Darby yang berjaya mara ke peringkat akhir Piala FA walaupun tidak dibarisi pemain berstatus bintang, tetapi berjaya juga mara sejauh itu,” katanya.

Dalam pada itu, ketua pasukan yang baru, Asraruddin Putra Omar, 25, berharap setiap pemain dapat menunjukkan prestasi ter-

mendapat sekurang-kurang satu piala pada tahun ini.

“Walaupun tidak dilantik menjadi kapten, ia tidak sama sekali menjejaskan saya dalam usaha membantu pasukan Selangor mendapatkan piala pada tahun 2013 ini,” katanya.

Selain itu, pasukan Selangor yang bakal bertanding pada kejohanan Piala AFC tahun ini turut dibarisi muka-muka lama seperti Mohd Bunyamin Omar, Mohd Nasriq Baharom, Solihin Kanasian, Mohd Fitri Shazwan, Norazlan Razali serta pemain pertahanan import, Ramez Jamal Dayoub.



Menteri Besar turut menerima jersi daripada wakil penaja

dari muka 16

## Hospital Tanjong Karang daif

Kata Yahya, antara rungutan lain adalah kesesakan lalu lintas, ruang parkir yang tidak mencukupi, waktu menunggu yang lama dan kekurangan khidmat pakar.

“Kapasiti hospital yang mempunyai 114 buah katil ini terlalu rendah dan hanya memberikan rawatan biasa seperti bersalin dan rawatan bagi pesakit luar.

“Untuk mendapatkan khidmat rawatan lanjut, pesakit perlu pergi ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang ataupun dirujuk ke Hospital Sungai Buloh yang mengambil masa selama sejam perjalanan daripada Tanjong Karang,” katanya ketika ditemuramah di luar hospital berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Misran Serman, 56, berkata, pesakit kronik dan warga emas

mengalami kesukaran untuk mendapatkan rawatan di hospital sedia ada.

“Pesakit kanser perlu dapatkan khidmat rawatan susulan di hospital lain kerana hospital ini hanya menyediakan rawatan asas seperti ‘hemodialisis’ dan ‘x-ray’.

“Doktor pakar pula hadir pada waktu tertentu saja,” katanya yang tinggal di Sungai Burong, Tanjong Karang.

Selain itu, Yahya turut mendakwa terdapat unsur salah guna kuasa di antara pihak yang terlibat dengan projek hos-



MANA JANJI... papan tanda projek Tanjong Karang yang dinaikkan pada 1998 (gambar kecil) Yahya Shaari

pital baru tersebut kerana ladang kelapa sawit itu masih mengeluarkan hasil walaupun tanah itu diberikan kepada Kementerian.

## WAKTUSOLAT SELANGOR

11 - 18 JANUARI 2013  
28 SAFAR - 6 RABIULAWAL 1434

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	05:53	06:03	07:24	1:24	4:46	7:21	8:34
12 Sabtu	05:53	06:03	07:25	1:24	4:47	7:21	8:35
13 Ahad	05:53	06:03	07:25	1:25	4:47	7:21	8:35
14 Isnin	05:54	06:04	07:25	1:25	4:47	7:22	8:36
15 Selasa	05:54	06:04	07:26	1:25	4:48	7:22	8:36
16 Rabu	05:55	06:05	07:26	1:26	4:48	7:23	8:36
17 Khamis	05:55	06:05	07:26	1:26	4:48	7:23	8:36
18 Jumaat	05:55	06:05	07:26	1:26	4:49	7:23	8:37

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
11 Jumaat	05:55	06:05	07:26	1:26	4:48	7:22	8:36
12 Sabtu	05:55	06:05	07:27	1:26	4:49	7:23	8:37
13 Ahad	05:56	06:06	07:27	1:27	4:49	7:23	8:37
14 Isnin	05:56	06:06	07:27	1:27	4:49	7:24	8:37
15 Selasa	05:56	06:06	07:28	1:27	4:50	7:24	8:38
16 Rabu	05:57	06:07	07:28	1:28	4:50	7:25	8:38
17 Khamis	05:57	06:07	07:28	1:28	4:50	7:25	8:38
18 Jumaat	05:58	06:08	07:28	1:28	4:51	7:25	8:39

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

Lagi janji 'tidak ditepati' Umno-BN

## Hospital terbengkalai Kuala Selangor

TANJONG KARANG - Dua jam hanya mengambil nombor giliran untuk berjumpa doktor dan ruang menunggu yang sesak dan panas, adalah senario yang terpaksa dihadapi penduduk di sini apabila ke Hospital Tanjong Karang.

Malah penduduk seperti Norfaezah Ismail, (*gambar*) 51, kadangkadangkang terpaksa berdiri sambil menunggu untuk mendapat rawatan di hospital yang sudah berusia 46 tahun.



Lebih mengecewakan adalah kesedaran bahawa penduduk di Tanjong Karang, Sabak Bernam dan Kuala Selangor sepatutnya tidak perlu lagi mengharungi situasi tersebut kerana Kerajaan Pusat Umno-BN pernah berjanji akan membina hospital baru.

Tetapi, selepas 13 tahun, tapak seluas 60 ekar bagi projek hospital baru tersebut di Kampung Sungai, Kuala Selangor masih lagi sebuah ladang kelapa sawit.

Sebuah papan tanda di ladang tersebut yang bertulis 'Cadangan Tapak Hospital Kuala Selangor' adalah satu-satunya petunjuk yang tapak itu sepatutnya mempunyai sebuah hospital.

Penyelaras DUN Permatang, Mohd Yahya Mat Sahri berkata, Kerajaan Umno-BN sedar mengenai ketidakmampuan Hospi-

tal Tanjong Karang yang dibina pada 1966 dan merancang membina hospital baru di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 pada 1998.

Namun, Yahya berkata, janji pembinaan hospital ini sudah melewati 13 tahun dan masih tidak ada pembinaan di tapaknya yang diperuntukkan kepa-

da Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Hospital Tanjong Karang yang sedia ada sudah tidak dapat menanggung permintaan populasi penduduk

di Tanjong Karang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang semakin padat.

Lihat muka 15



Gambar oleh Shuaib Ayob

**BANTERAS...** penurunan iklan serta kompaun dikenakan ke atas premis refleksologi dalam satu operasi yang dilakukan pihak berkuasa Majlis Perbandaran Klang (MPK) di kawasan Pandamaran, Klang. Tindakan tersebut diambil di bawah Undang-Undang Kecil Iklan MPK 2007 kerana pemilik premis gagal mengikut syarat yang ditetapkan. BERITA PENUH MUKA 13

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>  
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>  
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO